



**KOMPILASI ISU DAN CADANGAN YANG DIBANGKITKAN
DALAM MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH
BAGI TAHUN 2017**

MBJ KKLW

**BUTIRAN PELAKSANAAN MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH
TAHUN 2017**

BIL. MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT	Tempat	Pengerusi
1/2017	9 Mac 2017	Bilik Persidangan Bunga Raya, Aras 29, KKLW	YBhg. Datin Seri TKSU (PK)
2/2017	19 Jun 2017	Bilik Persidangan Bunga Raya, Aras 29, KKLW	YBhg. Dato' KSU
3/2017	19 September 2017	Bilik Persidangan Bunga Raya, Aras 29, KKLW	YBhg. Dato' KSU YBhg. Dato' SUBK (KP)
4/2017	13 November 2017	Bilik Mesyuarat Puteri 5 Grand Puteri Hotel, Terengganu	YBrs. TKSU (D)

**JUMLAH ISU/CADANGAN MENGIKUT KATEGORI
YANG TELAH DIBINCANGKAN DALAM MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH
TAHUN 2017**

KATEGORI ISU	BILANGAN ISU/CADANGAN					
	2016	1/2017	2/2017	3/2017	4/2017	JUMLAH
Elaun dan Kemudahan	-	-	-	-	2	2
Kewangan	-	-	-	-	-	-
Perkhidmatan	-	1	-	-	2	3
Skim Perkhidmatan dan Perjawatan	-	-	-	1	-	1
Kebajikan	-	-	1	-	-	2
Pentadbiran	1	2	1	1	5	10
Hal-hal Lain	3	6	4	2	3	18
JUMLAH	4	14	6	4	12	36

**SENARAI ISU/CADANGAN YANG TELAH DIBINCANGKAN
DALAM MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH
TAHUN 2017**

KATEGORI : **ELAUN DAN KEMUDAHAN**

JUMLAH ISU/CADANGAN : **2**

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1.	Wakil Pembantu Setiausaha Pejabat/ Setiausaha Pejabat memohon ulasan berkaitan kelayakan/syarat pemberian Elaun Trenkas Dwibahasa.	Pengesahan dan perakuan Ketua Jabatan adalah diperlukan bagi urusan kelulusan bayaran elaun tersebut.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 4/2017 Selesai pada : Mesy. Bil. 4/2017 Tindakan : Makluman
2.	Cadangan agar kemudahan alat komunikasi mudah alih (telefon bimbit) dipanjangkan kepada pegawai-pegawai yang bertugas di lapangan.	Belum selesai	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 4/2017 Selesai pada : Dibawa ke Mesy. Bil. 1/2018 Tindakan : Bhg. Kew

KATEGORI : **KEWANGAN**
JUMLAH ISU/CADANGAN : **-**

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN

KATEGORI : **PERKHIDMATAN**
JUMLAH ISU/CADANGAN : **3**

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1.	Pemakluman SUB(PSM) bahawa penyertaan dalam kursus/latihan pada tahun-tahun sebelum ini adalah tidak menggalakkan oleh kumpulan sasaran.	Bahagian PSM telah melaksanakan analisis keperluan latihan Pegawai/Kakitangan melalui senarai yang dinyatakan dalam LNPT 2016.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 1/2017 Selesai pada : Mesy. Bil. 1/2017 Tindakan : Makluman
2.	Cadangan agar kursus kepada Pemandu diadakan di lokasi yang berjauhan daripada pejabat.	Belum selesai	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 4/2017 Selesai pada : Dibawa ke Mesy. Bil. 1/2018 Tindakan : Bhg. PSM
3.	Terdapat Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang diarahkan untuk bertugas rasmi di luar pejabat dan bekerja lebih masa oleh Ketua Jabatan.	PSH hanya layak menuntut Elaun Menjalankan Tugas Rasmi di Dalam Negara seperti Elaun Perjalanan Kenderaan, Bayaran Sewa Hotel/Lojing, Elaun Harian	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 4/2017 Selesai pada : Mesy. Bil. 4/2017 Tindakan : Makluman

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
		dan Elaun Makan.	

KATEGORI : **SKIM PERKHIDMATAN DAN PERJAWATAN**

JUMLAH ISU/CADANGAN : **1**

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1.	Cadangan agar diwujudkan jawatan Juruaudio Visual Gred N19/22 di KKLW.	Bahagian PSM telah mengemukakan permohonan pengukuhan perjawatan secara <i>trade off</i> bagi pewujudan 1 jawatan Juruaudio Visual Gred N19/N22 di KKLW kepada JPA pada 4 Oktober 2017.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 3/2017 Selesai pada : Mesy. Bil. 4/2017 Tindakan : Bhg. PSM

KATEGORI : **KEBAJIKAN**

JUMLAH ISU/CADANGAN : **1**

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1.	Pihak Pekerja memohon maklum balas terkini berkaitan pelaksanaan kemudahan TASKA kepada Kakitangan KKLW.	Cadangan agar ruang sedia ada TASKA KKLW di aras 1 diperluaskan bagi mengurangkan kos terlibat. Cadangan tersebut akan diangkat untuk kelulusan	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 2/2017 Selesai pada : Bil. 4/2017 Tindakan : Bhg. P

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
		YBhg. Datuk KSU.	

KATEGORI : PENTADBIRAN

JUMLAH ISU/CADANGAN : 10

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1.	Cadangan Pihak Pekerja supaya Kementerian mengadakan perbincangan secara berkala dengan pengusaha kafeteria. Ini adalah berikutan aduan/rugutan yang diterima khususnya berkaitan harga makanan yang tidak konsisten.	Bahagian P telah mengadakan perbincangan bersama Koperasi Luar Bandar dan Bena Klasik Enterprise berkaitan aduan pelanggan terhadap perkhidmatan kafeteria 7 KKLW pada 10 April 2017.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 1/2016 Selesai pada : Mesy. Bil. 2/2017 Tindakan : Bhg. P
2.	Lif di bangunan KKLW seringkali mengalami kerosakan.	Pihak JKR telah dimaklumkan mengenai kekerapan berlakunya kerosakan sistem lif di bangunan KKLW.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 1/2017 Selesai pada : Mesy. Bil. 2/2017 Tindakan : Bhg. P
3.	Cadangan menaiktaraf sistem TAMS masih dalam proses perbincangan dengan pihak JKR.	Bahagian P telah mengadakan mesyuarat mengenai isu TAMS dan CAMS yang turut dihadiri oleh pihak TUSB, JKR dan <i>Specialist</i> TAMS dan CAMS pada 10 April 2017. Pihak TUSB sedang membuat <i>housekeeping</i> data sebagai salah satu langkah untuk memperbaiki masalah sistem ini.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 1/2017 Selesai pada : Mesy. Bil. 2/2017 Tindakan : Bhg. P

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
4.	<p>Cadangan agar Pengawal Keselamatan melakukan rondaan selepas waktu pejabat di parkir aras <i>basement</i>.</p> <p>Maklum balas terkini status agihan Tempat Letak Kereta (TLK) kepada wakil Ahli Pihak Pekerja MBJ yang telah dilantik.</p>	10 TLK khas akan diberikan kepada Ahli MBJ KKLW.	<p>Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 2/2017 Selesai pada : Mesy. Bil. 4/2017 Tindakan : Bhg. P</p>
5.	Terdapat keluhan daripada beberapa orang Pemandu berhubung kelewatan bayaran tuntutan kerja lebih masa (OT) bagi bulan September 2017.	Bahagian Kew telah memproses semua pembayaran OT Pemandu bagi bulan Ogos 2017 pada akhir September 2017.	<p>Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 3/2017 Selesai pada : Mesy. Bil. 4/2017 Tindakan : Bhg. Kew</p>
6.	Penjualan makanan di lobi KKLW oleh kakitangan KKLW.	Penjualan makanan oleh kakitangan KKLW diteruskan.	<p>Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 4/2017 Selesai pada : Mesy. Bil. 4/2017 Tindakan : Makluman</p>
7.	Terdapat larangan penerimaan surat/parcel melalui perkhidmatan pos yang menggunakan alamat Kementerian.	Belum selesai	<p>Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 4/2017 Selesai pada : Dibawa ke Mesy. Bil. 1/2018 Tindakan : Bhg. P</p>
8.	Sistem Aduan Dalaman (Penyelenggaraan Bangunan) yang telah dibangunkan tidak digunakan sepenuhnya.	Sistem ini perlu diwar-warkan kepada semua Warga KKLW.	<p>Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 4/2017 Selesai pada : Mesy. Bil. 4/2017 Tindakan : Makluman</p>
9.	Wakil Bahagian PER memohon ulasan berkaitan ruang pejabat Bahagian/Unit ekoran kelulusan Pengukuhan Perjawatan KKLW.	Belum selesai	<p>Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 4/2017 Selesai pada : Dibawa ke Mesy. Bil. 1/2018 Tindakan : Bhg. P</p>

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
10.	Cadangan agar bilik Pemandu di aras 3 ditambah baik bagi memberi lebih keselesaan kepada Pemandu.	Belum selesai	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 4/2017 Selesai pada : Dibawa ke Mesy. Bil. 1/2018 Tindakan : Bhg. P

KATEGORI : **HAL-HAL LAIN**
JUMLAH ISU/CADANGAN : **19**

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1.	Saranan supaya Bahagian P mengenal pasti bakat-bakat baharu bagi menganggotai kumpulan koir KKLW. Kertas cadangan penyediaan pakaian seragam Kumpulan Koir KKLW telah dikemukakan kepada YBhg. Datuk Seri KSU untuk kelulusan.	Bahagian P telah mengemukakan memo kepada semua Bahagian/Unit untuk mencalonkan wakil bagi menyertai Kumpulan Koir KKLW. Pakaian seragam Kumpulan Koir telah disediakan.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 4/2014 Selesai pada : Mesy. Bil. 4/2017 Tindakan : Bhg. P
2.	Cadangan Pihak Pekerja agar Kementerian mewujudkan kembali tudung dan tali leher korporat KKLW bagi pemakaian pada hari-hari tertentu terutama semasa penganjuran program/aktiviti Kementerian.	Bahagian P telah mengadakan perbincangan bersama UKK.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 1/2015 Selesai pada : Mesy. Bil. 4/2017 Tindakan : Bhg. P
3.	Bahagian ICT menghadapi masalah peralatan ICT yang tidak mencukupi dan server yang terlalu perlahan.	Bahagian ICT telah mengambil beberapa tindakan bagi pembelian peralatan ICT.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 1/2016 Selesai pada : Mesy. Bil. 3/2017 Tindakan : Bhg. ICT

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
4.	<p>Cadangan agar tenaga pengajar Kumpulan Koir KKLW diberikan surat lantikan bagi tujuan pembayaran perkhidmatan pengajar Kumpulan Koir KKLW.</p> <p>Cadangan agar disediakan bilik khas bagi sesi latihan koir dan Kumpulan Busker KKLW.</p>	<p>Bahagian P telah mengeluarkan memo lantikan Ketua Koir dan Penolong Ketua Koir pada 24 Mac 2017.</p> <p>Bilik Seni Aras 3 dijadikan Bilik Latihan Koir KKLW.</p>	<p>Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 1/2017 Selesai pada : Mesy. Bil. 2/2017 Tindakan : Bhg. P</p>
5.	<p>Terdapat beberapa kawasan di dalam bangunan KKLW khususnya di laluan tangga dijadikan kawasan merokok oleh segelintir Warga KKLW.</p>	<p>Bahagian P telah meletakkan poster larangan merokok di tangga semua aras dan juga kafeteria.</p>	<p>Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 1/2017 Selesai pada : Mesy. Bil. 2/2017 Tindakan : Bhg. P</p>
6.	<p>Cadangan agar disediakan gymnasium kepada Warga KKLW dalam usaha menggalakkan amalan gaya hidup sihat.</p>	<p>Cadangan tersebut tidak sesuai dilaksanakan pada masa ini mengambil kira kekangan peruntukan Kerajaan dan keutamaan kepada program lain yang lebih signifikan.</p>	<p>Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 1/2017 Selesai pada : Mesy. Bil. 1/2017 Tindakan : Makluman</p>
7.	<p>Cadangan agar wakil INFRA dilantik sebagai Ahli Mesyuarat MBJ KKLW.</p>	<p>Memandangkan INFRA mempunyai pentadbiran dan kawalan premis tersendiri, maka adalah wajar ia dibincangkan melalui forum MBJ INFRA sedia ada.</p>	<p>Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 1/2017 Selesai pada : Mesy. Bil. 1/2017 Tindakan : Makluman</p>
8.	<p>Pemakaian baju korporat KKLW.</p>	<p>Pemakaian baju korporat KKLW pada setiap hari Isnin hendaklah dipatuhi sehingga ada arahan baru dikeluarkan oleh Pihak Pengurusan KKLW.</p>	<p>Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 1/2017 Selesai pada : Mesy. Bil. 1/2017 Tindakan : Makluman</p>

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
9.	Bahagian PSM akan mengadakan kursus Pengacaraan Majlis dan <i>Floor Manager</i> kepada Warga KKLW yang berminat.	Kursus Pengacaraan Majlis dan <i>Floor Manager</i> telah dilaksanakan pada 19-21 April 2017 bertempat di Bilik Latihan, Aras 3, KKLW.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 1/2017 Selesai pada : Mesy. Bil. 2/2017 Tindakan : Bhg. PSM
10.	Cadangan agar Bahagian P menyediakan senarai kekananan protokol Pegawai bagi rujukan Bahagian/Unit khususnya dalam mengendalikan Mesyuarat dan program rasmi Kementerian.	Bahagian P telah menyediakan senarai kekananan Pengurusan Tertinggi KKLW dan telah diedarkan kepada semua Bahagian/Unit.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 1/2017 Selesai pada : Mesy. Bil. 2/2017 Tindakan : Bhg. P
11.	Cadangan supaya Mesyuarat MBJ KKLW diadakan di luar pejabat.	Mesyuarat MBJ di luar pejabat dicadangkan bagi Mesyuarat MBJ Bilangan 4/2017.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 2/2017 Selesai pada : Mesy. Bil. 3/2017 Tindakan : Urus setia MBJ
12	Cadangan agar setiap Ahli MBJ mempunyai baju korporat/pakaian seragam sebagai identiti Ahli MBJ dan akan dipakai semasa mesyuarat MBJ di luar pejabat.	Bahagian Kew tiada halangan dengan cadangan tersebut dengan syarat pembelian dibuat dengan menggunakan peruntukan ahli sendiri.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 2/2017 Selesai pada : Mesy. Bil. 4/2017 Tindakan : Setiausaha Pihak Pekerja
13.	Maklum balas terkini status pelaksanaan <i>Blue Ocean Leadership</i> (BOL) peringkat Kementerian.	Status terkini BOL@KKLW adalah di peringkat penyemakan draf <i>Plan Of Action</i> (POA) pelaksanaan peringkat Kementerian sebelum dibentangkan di peringkat pengurusan tertinggi. Pembentangan dijadualkan pada minggu ke-2 bulan November 2017.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 2/2017 Selesai pada : Mesy. Bil. 3/2017 Tindakan : Bhg. PSM

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
14.	Majlis Sambutan Hari Raya Peringkat Kementerian.	Kementerian akan mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Peringkat Kementerian pada 11 Julai 2017 di sekitar perkarangan bangunan KKLW.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 2/2017 Selesai pada : Mesy. Bil. 2/2017 Tindakan : Makluman
15.	Cadangan agar maklumat berkaitan MBJ dipaparkan di <i>Iboard</i> Kementerian dan sentiasa dikemaskini dalam laman web Kementerian.	Maklumat MBJ KKLW sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa dalam laman web dan <i>Iboard</i> Kementerian.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 3/2017 Selesai pada : Mesy. Bil. 4/2017 Tindakan : Pihak Pekerja & Urus Setia
16.	Terdapat keperluan pindaan Perlembagaan MBJ KKLW berikutan kelulusan Pengukuhan Perjawatan KKLW oleh JPA dan MOF berkuatkuasa mulai 15 April 2017.	Pindaan Perlembagaan MBJ KKLW telah dikemukakan kepada pihak JPA pada 17 Oktober 2017.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 3/2017 Selesai pada : Bil. 4/2017 Tindakan : Urus Setia
17.	Pemilihan Ahli Pihak Pekerja bagi sesi 2017/2018.	Setiap Wakil Bahagian dan Skim Perkhidmatan perlu melantik wakil masing-masing bagi urusan pelantikan baharu Ahli Pihak Pekerja bagi sesi 2018/2019.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 4/2017 Selesai pada : Mesy. Bil. 4/2017 Tindakan : Makluman
18.	Cadangan agar diadakan Sambutan Hari Setiausaha Peringkat Kementerian.	Sambutan Hari Setiausaha akan diraikan bersama dalam majlis Kementerian.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 4/2017 Selesai pada : Mesy. Bil. 4/2017 Tindakan : Makluman
19.	Cadangan agar takwim tahunan MBJ disediakan. Cadangan agar MBJ KKLW diberi peruntukan khas bagi menjalankan program/aktiviti tahunan MBJ.	Belum selesai	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 4/2017 Selesai pada : Dibawa ke Mesy. Bil. 4/2017 Tindakan : Pihak Pekerja & Urus Setia

Disediakan oleh:

Urus Setia Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
(Bahagian Pengurusan Sumber Manusia)